

**Parlimen: 20 Peratus Warga Petronas Bumiputera Sabah, Sarawak
Bernama
8 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Kira-kira 20 peratus daripada 25,463 pekerja syarikat Petronas Nasional Berhad (Petronas) pada masa ini adalah kaum bumiputera Sabah dan Sarawak, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcob berkata kerajaan sentiasa berusaha mewujudkan lebih banyak peluang kepada bumiputera Sabah dan Sarawak, terutama golongan muda, untuk mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik termasuk memegang jawatan penting dalam Petronas.

"Menjadi hasrat kerajaan untuk melantik seramai mungkin bumiputera Sabah dan Sarawak tidak kira agama bagi memegang jawatan penting bukan sahaja di Petronas tetapi di agensi kerajaan lain.

"Disebabkan itu, peluang pekerjaan, latihan dalam bidang teknikal disediakan untuk mereka, untuk meningkatkan keupayaan diri dalam bidang berkaitan," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tiong King Sing (BN-Bintulu) mengenai peluang masyarakat Sabah dan Sarawak untuk memegang jawatan penting dalam Petronas.

Nor Mohamed berkata antara program yang ditawarkan ialah 'Peneraju Skil-Jurukimpal' di bawah Yayasan Peneraju, yang membolehkan peserta memperoleh pensijilan antarabangsa dan bekerja dalam bidang kimpalan minyak dan gas dengan pendapatan mencecah RM9,000 sebulan.

Selain itu katanya, kerajaan juga telah berbincang dengan Petronas untuk memastikan sebahagian besar kontrak teknologi tinggi syarikat itu disalurkan kepada bumiputera Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700330>